

25/04/2004

Kejuaraan GT Jepun Malaysia kembali gegar Litar Sepang

By Zairee Zahir

SELEPAS setahun menghilang, Kejuaraan GT Jepun Malaysia kembali 18 dan 19 Jun ini di Litar Sepang dan bersedia menggegar lebih hebat berbanding edisi sebelumnya.

Dengan menjadi perlumbaan pusingan 3 Kejuaraan GT Jepun 2004, perlumbaan Jumaat dan Sabtu itu akan digabungkan dengan perlumbaan Supercar dan Supersixteen kejuaraan Siri Super Malaysia (MSS), Kejuaraan Kereta Klasik Antarabangsa dan pelbagai acara hiburan lain yang disusun penganjur.

Tidak seperti perlumbaan GT dan perlumbaan tempatan lain, program hiburan khas akan diadakan di litar sebaik tamat perlumbaan dan dijangka bermula jam 5 petang, 19 Jun.

"Peminat dan pengunjung akan dapat menyaksikan pelbagai acara menghiburkan di atas dan di luar litar sepanjang Kejuaraan GT Jepun Malaysia 2004 ini dan ia tidak seharusnya dilepaskan," kata Pengerusi Sepang International Circuit (SIC), Datuk Mokhzani Tun Mahathir di pelancaran Kejuaraan GT Jepun Malaysia 2004 di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis itu dirasmikan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek dan dihadiri pegawai kanan Persatuan GT Jepun dan Kedutaan negara Matahari Terbit itu di Malaysia.

Mokhzani berkata, SIC memutuskan untuk mengadakan perlumbaan pada Jumaat dan Sabtu bagi memberi peluang kepada peminat di luar Selangor, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur kesempatan untuk menyaksikan perlumbaan hebat itu.

"Dengan aktiviti kemuncaknya berlanjutan sehingga malam Sabtu, peminat daripada Perlis, Terengganu, Johor dan Singapura boleh turun ke Sepang dan menyaksikan sendiri kehebatan perlumbaan ini. Hari Ahad pula boleh digunakan untuk berehat dan pulang ke negeri masing-masing," kata Mokhzani sambil menambah beberapa artis terkenal tanah air juga diundang untuk menjayakan acara hiburan yang disusun.

GT Jepun dibahagikan kepada dua kelas - GT500 dan GT300 dan disertai dua pemandu bagi setiap pasukan. Pengubahsuaian yang terhad membolehkan peminat menyaksikan saingan hebat pada jentera.

Ditambah pula, perlumbaan tahun ini bakal menyaksikan 46 buah kereta daripada 20 jenis model dan 15 pengeluar berbeza.

Selain Sepang, GT Jepun juga akan diadakan di Shanghai dan California Speedway di Amerika Syarikat pada tahun ini.

Tiket bagi perlumbaan dikenakan dari RM30 dan diberi potongan bagi mana-mana pembelian sebelum 31 Mei. Tiket boleh dibeli menerusi TICKET HOTLINE di 03-85262222 atau dengan melayari laman internet di [www.malaysiangp.com.my](http://www.malaysiangp.com.my).

(END)